

Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum

Asmawati Suhid [1], Mohd Faizal bin Mohd Zain [2], Abdul Muhsin Bin Ahmad [3], Mohd Aderi Che Noh [4]

ABSTRACT

The philosophy and concept of covering the *aurah* in Islam should be clearly understood by Muslims. This is because the standard of covering the *aurah* in Islam is very different from the views of other beliefs and philosophies. The obligation to cover the *aurah* as commanded by Allah SWT is very clear and detailed as well as universal in nature. When this concept is clearly understood, then there should be no confusion among Muslims to internalize and practice this ruling that is demanded by Islam. Related to this, a brief study was conducted involving students at one of the institutions of higher learning to get an idea about their perception and level of knowledge and understanding regarding the concept of covering the *aurah*. A total of 120 students participated in this study. The findings show that the level of students' knowledge pertaining to the obligation related to the covering of aurah is high (mean = 3.91). Besides discussing the findings, the researchers also proposed suggestions to further strengthen the efforts to induce awareness in students regarding the obligation of covering the *aurah*.

Keywords: *concept of aurah, students, higher learning institution, Islamic studies, knowledge and understanding*

[1] Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Malaysia
asmawati@educ.upm.edu.my

[2] Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Malaysia

[3] Fakulti Undang-Undang
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia
amuhsin@um.edu.my

[4] Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Malaysia
aderi@ukm.my

PENDAHULUAN

Islam adalah satu-satunya agama yang sangat sempurna bagi mengatur kehidupan sehari-hari umatnya dalam menjalani kehidupan dunia yang berteraskan kepada ketauhidan kepada Maha Pencipta (Mahyuddin 1996). Segala peraturan yang ditentukan Islam membawa banyak kebaikan kepada individu itu sendiri malah kepada orang lain di sekelilingnya juga.

Islam sebagai *al-Din* yang syumul didirikan atas dasar aqidah, syariat dan akhlak. Kesempurnaan Islam menjadikan ianya suatu agama yang terbaik dalam mengatur segenap aspek kehidupan manusia, sama ada dari sudut politik, ekonomi, maupun sosial (Mahyuddin, 1996). Suruhan kepada mematuhi dan menyerah diri kepada Allah SWT serta peraturan dan hukum-hakam yang ditentukan oleh-Nya merangkumi seluruh umat manusia, termasuklah orang mukmin dan kafir kerana mereka semua merupakan makhluk dan hamba Allah SWT (Asmawati Suhid, 2009).

Antara peraturan yang akan dibincangkan ialah kewajipan menutup aurat yang wajib diikuti oleh seluruh umat Islam. Islam telah menggariskan kaedah dan cara yang unik untuk memenuhi kewajipan menutup

aurat. Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan umat Islam menutup aurat untuk memelihara maruah dan kehormatan serta menghindarkan mereka daripada kejahatan dan dosa. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka’.

(Surah al-Nur : 31)

Persoalan yang timbul di sini ialah, walaupun majoriti umat Islam tahu tentang kewajipan menutup aurat namun masih terdapat mereka yang tidak menutup aurat. Malah, terdapat pelbagai cara penutupan aurat yang dilakukan. Terdapat juga mereka yang berpakaian menutup aurat yang dikatakan mengikuti fesyen dan sesuai dengan peredaran zaman. Keadaan seperti ini seolah-olah memperlihatkan ketidakjelasan atau ketidakfahaman mereka tentang kaedah atau konsep menutup aurat di dalam Islam. Untuk itu, kajian ini ingin meninjau persepsi para pelajar IPT untuk mengenal pasti tahap pengetahuan mereka tentang konsep menutup aurat sebagaimana yang dikehendaki oleh syariat Islam.

Konsep Aurat Dalam Islam

Istilah *aurat* diambil dari perkataan Arab iaitu '*aurah*' yang bererti keaiban (Muhammad Abdul Aziz 2009). Manakala menurut istilah fiqh pula *aurat* bermaksud bahagian tubuh badan seseorang yang wajib ditutup atau dilindungi dari pandangan mata seseorang yang bukan mahram. Cara berpakaian yang sempurna bagi wanita muslim sebagaimana yang oleh dikehendaki syara' boleh dilihat dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu dan perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaianya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.

(Surah al-Ahzab: 59)

Menerusi ayat di atas jelas menyatakan bahawa pakaian yang dipakai ketika keluar itu hendaklah dalam keadaan labuh dan menutup seluruh tubuh pemakainya. Secara umumnya, ciri-ciri pakaian yang menutup aurat sebagaimana dituntut oleh syara' bagi wanita adalah seperti berikut (Lotfiah Zainal Abidin, 2004):

1. Pakaian yang longgar. Bukan pakaian sempit yang sehingga menampakkan susuk atau bentuk tubuh badan.
2. Pakaian yang labuh yang menutupi seluruh anggota aurat. Bukan pakaian yang pendek, singkat atau terbelah yang mendedahkan perut, dada, leher, tangan, kaki dan punggung.
3. Pakaian yang menutup warna kulit anggota aurat dari kelihatan. Bukan pakaian yang nipis atau jarang yang menampakkan warna kulit dan bayang-bayang tubuh dari luar.

Secara keseluruhannya, empat mazhab utama dalam fiqh Islam iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hambali menetapkan bahawa aurat bagi lelaki adalah antara pusat dan lutut. Bagi wanita ialah keseluruhan tubuhnya kecuali muka dan tapak tangan berdasarkan nas al-Quran dan as-Sunnah.

Etika Menutup Aurat Dalam Islam

Sistem etika yang terdapat dalam Islam amat lengkap dan jelas sekali. Hal ini kerana sumber etika Islam iaitu kitab al-Quran al-Karim dan hadith Rasulullah SAW begitu lengkap dan jelas. Ia merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia dan memelihara hubungan terhadap Allah SWT, sesama manusia dan alam persekitaran. Daripada sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besarnya perkara dinyatakan dalam al-Quran.

Malah, tidak ada satu perkara pun yang ditinggalkan oleh kitab al-Quran. Sebagaimana jelas dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Tidak Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab al-Quran ini.

(Surah al-an'aam, ayat 38)

Setiap individu muslim hendaklah berpakaian secara beretika mengikut syara'. Etika berpakaian dalam Islam berasaskan kepada penutupan aurat secara lengkap dan betul. Aurat bagi lelaki ialah antara pusat hingga ke lutut, manakala bagi perempuan ialah seluruh tubuh badannya kecuali muka dan kedua tangan hingga ke pergelangannya. Aurat ini wajib ditutup dari pandangan orang lain yang bukan mahram. Haram diperlihat dan haram pula melihatnya (Abdullah 2008).

Selain itu, pakaian yang dipakai mestilah tidak memperlihatkan susuk tubuh badan dan pakaian hendaklah longgar mengikut kesesuaian tubuh badan. Pakaian yang ketat atau sendat, tetap haram sekalipun pada zahir ia telah menutup aurat. Ini kerana susuk tubuh badan merupakan aurat yang perlu dijaga. Begitu juga, pakaian yang terlalu bercorak atau berwarna-warni, yang ada daya penarik kepada pandangan atau perhatian orang yang bukan muhrim untuk memandangnya. Hal ini jelas dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu dan pakaian perhiasan dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).

(Surah Al-A'raaf : Ayat 26)

Selain itu, pakaian yang dipakai oleh individu muslim juga hendaklah tidak menyerupai atau menyamai kaum yang ingkar kepada perintah Allah SWT, seperti pakaian ahli gereja dan ahli ibadat agama lain.

Persepsi Muslim Tentang Menutup Aurat

Berdasarkan beberapa kajian lepas yang ditinjau, didapati majoriti umat Islam berpandangan positif tentang peraturan menutup aurat. Mereka juga mengakui bahawa menutup aurat membawa kebaikan berbanding dengan membuka aurat. Antara dapatan kajian tersebut termasuklah kajian yang dijalankan oleh Ahmad Marzuki dan Noor Betty Azura (2008) yang menunjukkan persepsi pelajar wanita Islam di Universiti Teknologi Malaysia terhadap tuntutan menutup aurat berada pada tahap yang sangat tinggi. Mereka beranggapan menutup aurat adalah satu kewajipan yang perlu dipatuhi oleh setiap muslim.

Merujuk kepada hasil kajian yang telah dijalankan oleh Abdullah Sulong dan Norliza Ahmad (2005) pula mendapati muslimah yang menutup aurat adalah muslimah yang baik dan lebih maju ke hadapan apabila mereka menutup aurat dengan sempurna. Dapatkan ini disokong oleh kajian Nor Azliza Shariff (2005) dimana responden kajian berpendapat bahawa tidak sepatutnya menjadi orang yang rendah taraf dan nilainya di sisi Allah SWT. Dapatkan juga menunjukkan responden bersetuju bahawa Allah SWT akan memberi keredhaan dan kerahmatan kepada muslimah yang menutup aurat.

Mengikut Abdullah Sulong dan Norliza Ahmad (2005) juga, menutup aurat bukanlah satu kewajipan yang membebankan dan menyusahkan seseorang muslim lebih-lebih lagi kaum wanita. Mereka hanya dituntut untuk memakai pakaian mengikut ciri-ciri keislaman. Nor Azliza Shariff (2005) turut menyatakan bahawa memakai pakaian yang menutup aurat adalah merupakan tujuan utama syariat Islam untuk kebaikan umat Islam sendiri dan bukan untuk membebankan mereka. Malah, menutup aurat bertujuan untuk mengelakkan wanita dari sebarang gejala yang tidak sihat.

Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar muslimah yang memakai pakaian sepetimana yang dituntut oleh syariat akan menyebabkan adab dan tingkah laku mereka terpelihara (Najhan Imamuddin, 1997:177). Wanita yang memakai pakaian berkeadaan tidak menutup aurat dan dilihat oleh lelaki sama ada ia

memalingkan muka ataupun tidak, mereka tidak masuk syurga dan tidak akan mencium baunya. Dapatan kajian ini juga memperlihatkan persepsi responden bahawa pakaian yang menutup aurat dapat menampilkan imej yang anggun pada pemakainya. Oleh itu, setiap muslimah disarankan agar memelihara maruah mereka daripada tercemar dengan memakai pakaian mengikut syariat Islam.

Pemahaman Tentang Konsep Aurat Dalam Kalangan Pelajar

Menerusi pemerhatian dan pengalaman pengkaji, terdapat pelajar Muslim yang kurang faham tentang maksud dan kewajipan menutup aurat dalam erti kata sebenarnya. Ini berdasarkan kepada amalan pelajar di mana ada di antara mereka yang berpakaian menutup aurat apabila menghadiri kuliah bagi kursus wajib universiti seperti TITAS dan bercorak keagamaan. Sebaliknya, hal yang sama tidak berlaku ketika mereka menghadiri kuliah lain.

Pelajar juga didapati masih keliru tentang konsep menutup aurat. Mereka beranggapan bahawa memadai dengan hanya memakai pakaian yang ringkas asalkan menutup aurat. Maka, mereka merasakan sekaligus mereka telah melaksanakan tanggungjawab yang dikehendaki syariat Islam. Dalam erti kata lain, masih ramai dalam kalangan pelajar Islam yang mengabaikan prinsip-prinsip menutup aurat menurut syariat dan mengatakan perkara tersebut sesuatu yang meremehkan. Kajian yang dilakukan oleh Siti Nur liyana Ali (2006) bertajuk 'Penerimaan Terhadap Tuntutan Syarak Tentang Aurat Di Kalangan Wanita. Satu Kajian Terhadap Pelajar Tahun Lima Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia' mendapati pelajar faham apa yang dikatakan sebagai aurat walaupun tidak mengetahui makna menutup aurat secara ilmiah. Mereka juga tahu apa yang dikatakan aurat sebagai contoh, kewajipan memakai tudung, tidak boleh memakai skirt pendek dan sebagainya.

Menurut Shofian Ahmad dan Lotfiah Zainal Abidin (2004) terdapat anak-anak beranggapan soal agama tidak penting dalam kegiatan sehari-hari. Mereka mengetahui prinsip-prinsip menutup aurat tetapi tidak mahu mengamalkannya dan terdapat juga di antara mereka tidak mengetahui langsung tentang prinsip menutup aurat dalam Islam. Kebanyakan pelajar menutup aurat semata-mata untuk menzahirkan diri sebagai orang Islam tetapi bukan kerana tuntutan syarak yang diwajibkan ke atas mereka.

Etika pemakaian yang telah ditetapkan oleh sesebuah institusi pengajian tinggi mestilah dipatuhi oleh semua pelajar ketika menghadiri kuliah. Lebih-lebih lagi pelajar muslim yang sememangnya dituntut berpakaian bersih, kemas dan menutup aurat apabila berada di khalayak ramai. Untuk itu, kajian ringkas ini dijalankan bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang persepsi pelajar di salah sebuah IPTA terhadap kewajipan menutup aurat seterusnya mengenal pasti sejauhmana mereka memahami konsep dan kaedah menutup aurat dalam Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk meninjau persepsi pelajar tentang kewajipan menutup aurat, seterusnya mengenal pasti tahap pengetahuan mereka tentang konsep menutup aurat yang sebenarnya mengikut syariat Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian deskriptif dan menggunakan kaedah tinjauan. Populasi kajian terdiri daripada pelajar di salah sebuah fakulti di Universiti Putra Malaysia. Pengkaji menggunakan teknik persampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) untuk mendapatkan sampel kajian. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang pelajar yang mewakili tahun pertama, kedua, ketiga dan keempat. Oleh itu, jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat dalam kajian ini ialah sebanyak 120 orang.

Satu set borang soal selidik diberikan kepada subjek kajian untuk mendapatkan maklumat atau data yang diperlukan. Bahagian A terdiri daripada soalan tentang latar belakang pelajar. Manakala Bahagian B merupakan item yang mengukur tahap pengetahuan pelajar tentang konsep dan prinsip menutup aurat menurut syariat Islam. Berdasarkan persepsi mereka, pelajar dikehendaki memilih pernyataan yang paling

tepat yang dikemukakan berdasarkan skala likert empat mata. Soal selidik yang digunakan oleh pengkaji telah disemak dan disahkan oleh beberapa orang pensyarah yang pakar dalam bidang Pendidikan Islam untuk meningkatkan lagi tahap kesahan instrumen. Nilai indeks kebolehpercayaan item yang diperoleh ialah 0.942. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Latar Belakang Responden

Bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini ialah 120 orang pelajar yang terdiri daripada 50 orang (41.7%) pelajar lelaki dan 70 orang (58.3%) pelajar perempuan. Dapatkan menunjukkan bahawa responden yang berumur 21 hingga 22 tahun merupakan penyumbang terbesar dalam kajian ini iaitu sebanyak 49 orang (40.8%) dan responden berumur 23 hingga 24 tahun kedua terbesar iaitu sebanyak 45 orang (37.5%), manakala bilangan responden yang berumur 19 hingga 20 tahun adalah sebanyak 21 orang (17.5%) dan yang terkecil ialah responden yang berumur 25 hingga 26 tahun iaitu sebanyak 5 orang (4.2%). Oleh itu, majoriti responden dalam kajian ini adalah mereka yang berumur antara 21 hingga 24 tahun yang mewakili 94 orang daripada 120 responden.

Pengkaji menetapkan semua responden adalah beragama Islam. Oleh itu majoritinya berbangsa melayu yang beragama Islam. Namun, terdapat juga responden berbangsa India dan Cina yang beragama Islam dalam kajian ini.

Persepsi Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat

Objektif kajian ini ialah untuk meninjau persepsi pelajar IPTA tentang konsep menutup aurat menurut syariat Islam. Seterusnya dapat mengenal pasti tahap pengetahuan mereka dalam hal ini. Jadual 1 menunjukkan taburan bilangan, peratusan, sisihan piawai dan min berkaitan persepsi pelajar.

Jadual 1: Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat

Pernyataan	1	2	3	4	Min	SP
	STT	TT	T	ST		
1. Aurat seorang lelaki adalah dari lutut hingga ke pusat.	-	-	4	116	3.97	0.18
	-	-	3.3%	96.7%		
2. Aurat seorang perempuan seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan.	-	-	1	119	3.99	0.09
	-	-	0.8%	99.2%		
3. Haram mendedahkan aurat kepada individu yang bukan muhrim.	1 0.8%	-	5 4.2%	114 95%	3.93	0.34
4. Menutup aurat wajib bagi setiap individu muslim yang baligh.	-	-	4	116	3.97	0.18
	-	-	3.3%	96.7%		
5. Kewajipan menutup aurat bukan hanya dalam solat sahaja.	-	-	5	115	3.96	0.20
	-	-	4.2%	95.8%		
6. Individu yang membuka aurat adalah berdosa besar.	-	-	6	114	3.95	0.22
	-	-	5%	95.0%		
7. Kewajipan menutup aurat adalah perintah Allah.	-	-	3	117	3.98	0.16
	-	-	2.5%	97.5%		
8. Menutup aurat menunjukkan keperibadian muslim yang baik.	-	-	10	110	3.92	0.28
	-	-	8.3%	91.7%		
9. Kewajipan menutup aurat selari dengan peredaran zaman.	3 2.5%	4 3.3%	5 4.2%	108 90%	3.82	0.61

10. Individu muslim akan dilaknat oleh Allah apabila mengabai kewajipan menutup aurat.	-	-	7	113	3.94	0.24
				5.8%	94.2%	

STT- Sangat Tidak Tahu, **ST**-Sangat Tahu, **T**- Tahu, **ST** – Sangat Tahu.

Purata Min=3.941, SP=0.2483

Analisis tahap pengetahuan pelajar tentang konsep menutup aurat mengikut syariat Islam adalah berdasarkan pengelasan skor min di bawah (Jadual 2).

Jadual 2 : Analisis Pengelasan Skor Min Dan Tahap Penilaian.

Pengelasan skor min	Tahap penilaian
1.0 - 1.99	Rendah
2.0 - 2.99	Sederhana
3.0 – 4.0	Tinggi

Sumber: Sahandri Gani Hamzah (2011)

Skor min 1.0 hingga 1.99 dikelaskan sebagai tahap rendah dan skor min 2.0 hingga 2.99 adalah sederhana. Manakala skor min 3.0 hingga 4 dikelaskan sebagai tinggi.

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan skor min yang diperoleh adalah melebihi 3.5. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang konsep menutup aurat berdasarkan syariat Islam (Jadual 1). Hal ini disebabkan oleh begitu meluasnya penyebaran maklumat tentang konsep menutup aurat sama ada menerusi ceramah, media elektronik dan media cetak.

Item yang mendapat skor min tertinggi ialah item 2 iaitu "aurat seorang perempuan adalah seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan" (min= 3.99, SP=0.09). Sebanyak 119 responden (99.2%) tahu terhadap peraturan/hukum ini. Item kedua tinggi ialah item 1 iaitu "aurat seorang lelaki adalah dari lutut hingga ke pusat" yang mencatatkan min (min= 3.97, SP= 0.18). Sebanyak 116 responden (96.7%) tahu tentang peraturan ini. Manakala item 7 adalah ketiga tinggi iaitu "kewajipan menutup aurat adalah perintah Allah" mencatatkan skor min= 3.98 (SP=0.16). Ketiga-tiga perkara ini merupakan perkara asas dalam konsep menutup aurat. Justeru, tidak sepatutnya pelajar di IPTA tidak tahu tentang perkara asas ini.

Sebagaimana yang dilaporkan, secara keseluruhan kajian ini mendapati tahap pengetahuan pelajar tentang konsep menutup aurat berada pada tahap yang tinggi dengan purata skor min lebih daripada 3.5. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Roslinda Sabiran (2007) tentang 'Persepsi pelajar darjah khas Sekolah Agama Bandar Penawar terhadap amalan menutup aurat' yang mendapati bahawa apabila seorang individu mengetahui sesuatu hukum dan melaksanakannya, mereka akan mempunyai kefahaman yang tinggi berbanding dengan individu yang hanya mengetahui tetapi tidak mengamalkannya. Pelajar didapati sangat tahu dan faham tentang aurat perempuan dan lelaki yang perlu ditutup dan dipelihara. Menurut Jaafar Salleh (2006) turut menjelaskan bahawa aurat seorang lelaki adalah dari lutut ke pusat sahaja serta mereka juga tidak boleh memperlihatkan anggota tersebut kepada wanita bukan Islam. Begitu juga beliau menjelaskan bahawa aurat wanita muslimah dengan wanita bukan Islam adalah muka dan tapak tangan sahaja serta mereka juga tidak boleh memperlihatkan anggota lain kepada lelaki yang boleh berkahwin dengannya.

Pelajar dalam kajian ini juga menyedari bahawa menutup aurat adalah merupakan perintah Allah SWT, dan menutup aurat adalah wajib bagi setiap individu muslim yang telah baligh. Menurut Jaafar Salleh (2006) yang mengatakan bahawa tuntutan menutup aurat bagi setiap individu muslim yang telah baligh adalah wajib diikuti tanpa ragu-ragu kerana ianya merupakan tuntutan agama. Kesedaran pelajar dalam hal ini amat penting agar mereka dapat melaksanakan kewajipan menutup aurat secara tepat sebagaimana yang dituntut oleh syaria'. Peraturan atau hukum ini tidak sepatutnya dipandang ringan kerana ia boleh menjelaskan amalan ibadah yang lain. Namun, realiti yang berlaku dalam kalangan terutamanya remaja dan belia memperlihatkan

seolah-olah mereka tidak menghiraukan tuntutan ini. Tambahan lagi, terdapat juga yang berpakaian menutup aurat tetapi tidak sepenuhnya lengkap seperti yang dikehendaki Islam. Bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa terdapat ramai juga individu muslim yang sedar akan tuntutan ini dan mengamalkan dengan sebaiknya.

Pelajar juga tahu dan sedar bahawa individu yang membuka aurat adalah berdosa besar kerana tuntutan menutup aurat ini adalah wajib bagi setiap individu muslim. Bagaimanapun, masih berlaku amalan umat Islam yang berpakaian mengikut fesyen terkini yang mengabaikan kaedah sebenar tuntutan menutup aurat. Mereka seolah-olah beranggapan menutup aurat hanya perkara ringan sahaja. Selain itu, dapatan kajian juga memperlihatkan kebanyakan pelajar mengetahui bahawa individu muslim akan dilaknat oleh Allah apabila mengabai kewajipan menutup aurat ($\text{min}=3.94, \text{SP}=0.25$). Dapatkan ini selari dengan pandangan Lotfian Zainol Abdin (2004) yang mengatakan kewajipan menutup aurat ini diipukul oleh setiap individu Islam yang baligh dan berakal dan apabila tuntutan ini tidak dipenuhi akan mengundang dosa kepada dirinya sendiri. Mahyuddin (1996) juga turut mengatakan tangungjawab setiap muslim adalah wajib mengikuti perkara asas fardu ain tanpa alasan.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar muslim yang dikaji mempunyai ilmu dan sangat memahami perkara asas dalam menutup aurat mengikut syariat Islam. Begitu juga, para pelajar memahami bahawa tuntutan menutup aurat ini bukan hanya ketika solat sahaja tetapi merangkumi dalam aspek pergaulan sehari-hari mereka ($\text{min}=3.96, \text{SP}=0.02$). Dapatkan ini disokong oleh Rasyidah Rahman (2005) yang menyatakan bahawa individu muslim diwajibkan menutup auratnya ketika dalam perlakuan sehari-hari serta dalam solatnya walaupun solat secara sendiri. Pelajar juga bersetuju bahawa amalan menutup aurat memperlihatkan keperibadian muslim yang baik ($\text{min}=3.92, \text{SP}=0.28$). Pelajar bersetuju bahawa keperibadian seorang muslim itu terlebih dahulu dinilai berdasarkan kepada keperibadian luaran. Ini bermakna keperibadian individu itu dinilai berdasarkan tatacara pemakaianya iaitu jika sopan cara berpakaian maka sopan juga akhlaknya. Dapatkan kajian ini seiring dengan dapatan kajian Nor Azliza Shariff (2005) yang mengatakan keperibadian luaran seorang muslim yang baik adalah dengan menutup aurat terlebih dahulu. Menurutnya lagi tuntutan menutup aurat wajib walaupun dunia semakin berkembang kerana hukum Islam dalam Al-Quran mencakupi semua zaman dan peredaran masa. Hal ini bersesuaian dengan dapatan kajian yang menyebutkan bahawa "kewajipan menutup aurat selari dengan peredaran zaman yang mencatatkan skor $\text{min}=3.82$ ($\text{SP}=0.61$). Dengan kata lain, pelajar mengakui bahawa tuntutan menutup aurat ini adalah wajib walaupun zaman sudah berubah. Ini kerana, hukum dan peraturan dalam Islam bersifat kekal dan bersesuaian pada bila-bila masa, zaman dan tempat.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan yang diutarakan, rata-rata pelajar tahu dan memahami konsep asas menutup aurat menurut perspektif Islam dan ia merupakan kewajipan yang perlu dipatuhi oleh setiap muslim. Bagaimanapun, sepetimana yang dibincangkan terdapat juga pelajar yang masih keliru dan kurang memahami secara tepat amalan menutup aurat yang dituntut Islam. Lebih membimbangkan lagi terdapat ramai para remaja yang terikut-ikut tren berpakaian masa kini yang semakin menyalahi konsep menutup aurat yang sebenar. Maka perkara ini perlu ditangani dengan segera dan efektif secara kolektif agar setiap muslim faham dan dapat menghayati serta mengamalkan cara menutup aurat seperti yang dikehendaki dan bertepatan dengan syariat Islam. Perlu difikirkan mekanisma terbaik dan berkesan bagi memberi kesedaran kepada umat Islam tentang perkara ini dan dalam masa sama umat Islam perlu sensitif kepada unsur-unsur yang boleh menyelewengkan akhlak dan aqidah ummah. Justeru, adalah menjadi harapan pengkaji agar para pelajar khususnya dan umat Islam amnya terus istiqamah dengan amalan menutup aurat sebagaimana yang ditetapkan oleh syara', seterusnya mendapat keredhaan Allah SWT.

RUJUKAN

Abdullah Sulong & Norliza Ahmad. (2005). *Kefahaman Pelajar Islam Tentang Kewajipan Menutup Aurat Dalam Kehidupan Di Sebuah Kolej Kadiaman Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Kertas Projek Sarjana Muda.

Ahmad Marzuki & Noor Betty Azura. (2008). *Persepsi Pelajar Wanita Islam Terhadap Tuntutan Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Kolej Kediaman Wanita Di Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Kertas Projek Sarjana Muda

Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak Dan Adab Islam*. Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Jaafar Salleh. (2006). *Batas-Batas Aurat Dan Pergaulan Serta Hukum Persolekan Dalam Islam*. Johor Darul Ta'zim: Pustaka Azhar.

Lotfiah Zainal Abidin. (2004). *Aurat: Kod Pakaian Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Mahyuddin Abdullah. (1996). *Al Iman Dan Islam*, Al-Hidayah Publisher.

Muhammad Abdul Aziz Amru. (2009). *Pakaian dan Perhiasan dalam Islam*. Darul Fikir Sdn.Bhd

Najhan Imamuddin. (September 1997). *Ratu binatang dan ratu manusia*. DAKWAH. Bil 244: 13

Nor Azliza Shariff. (2005). *Persepsi Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat: Satu kajian ke atas pelajar Aliran Teknikal di Institusi Teknologi Perindutrian, Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Kertas Projek Sarjana Muda.

Siti Nur liyana Ali. (2006). *Penerimaan Terhadap Tuntutan Syarak Tentang Aurat Di Kalangan Wanita. Satu Kajian Terhadap Pelajar Tahun Lima Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*, Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

Shofian Ahmad & Lotfiah Zainal Abidin. (2004). *Aurat: Kod Pakaian Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Roslinda Sabiran. (2007). *Persepsi pelajar darjah khas sekolah agama bandar penawar terhadap amalan menutup aurat*. Universiti Teknologi Malaysia: Kertas Projek Sarjana Muda

Rasyidah Rahman. (2005). *50 Hadis Tentang Jilbab*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.